

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MEI 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

Berita keutamaan isu kos sara hidup

# Beri keutamaan isu kos sara hidup



Orang ramai membeli barang sempena Karnival Kita Madani Daerah Seberang Perai Selatan, Nibong Tebal baru-baru ini. Rakyat berpendapat isu inflasi dan kos sara hidup harus menjadi keutamaan kerajaan sekarang.

Majoriti responden tak puas hati cara kerajaan tangani inflasi, kos sara hidup

KUALA LUMPUR

**K**erajaan Perpaduan disarankan untuk mengutamakan usaha mengurangkan inflasi dan menjana pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan kaji selidik oleh Endeavour-MGC, sekitar 22 peratus daripada 1,068 responden melihatkan semua kaum mendapat isu berkenaan harus menjadi keutamaan kerajaan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jelasnya, kira-kira 21 peratus

daripada 791 responden Melayu menyuarakan hal sama.

Hasil dapatan mereka turut mendapati 52 peratus kaum Melayu dan 46 peratus responden semua masyarakat di Semenanjung tidak berpuas hati dengan prestasi Kerajaan Perpaduan dalam menangani isu inflasi dan kos sara hidup.

Hasil kajian menunjukkan hanya 27 peratus responden Melayu dan 32 peratus responden semua kaum berpuas hati dengan pentadbiran Anwar dalam menangani kedua-dua isu berkenaan.

Selain itu, 57 peratus dan 48 peratus berpuas hati dengan Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Anwar, yang juga Menteri Kewangan pada 24 Februari lalu.

Begitupun, sebanyak 59 peratus responden Melayu dan 56 peratus responden semua kaum mengakui menerima manfaat daripada program dan peruntukan kewangan di bawah Belanjawan 2023.

Sementara itu, peratusan responden Melayu yang tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan agar tidak membenarkan satu lagi pengeluaran khas simpanan dalam skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah paling tinggi iaitu 51 peratus, manakala responden semua kaum sebanyak 44 peratus.

Kaji selidik pendapat awam itu dijalankan melalui persampelan rawak berstrata dari 4 hingga 18 April lalu, dengan margin kesilapan keputusan adalah antara tiga dan 3.5 peratus berdasarkan bilangan pemilih berdaftar di Semenanjung, setakat Jun 2022.

## HASIL KAJI SELIDIK OLEH ENDEAVOUR-MGC (APRIL 2023)

Prestasi Anwar sebagai Perdana Menteri?

Puas hati 62% | Tak puas hati 30%

54% | 37%

Sejauh mana ada berpuas hati dengan prestasi kerajaan berdasarkan isu-isu berikut?

a. Kestabilan politik

Puas hati 61% | Tak puas hati 32%

44% | 42%

b. Agenda lawan rasuah

Puas hati 58% | Tak puas hati 25%

52% | 29%

c. Hubungan kaum

Puas hati 71% | Tak puas hati 25%

54% | 29%

d. Agama

Puas hati 74% | Tak puas hati 22%

65% | 31%

e. Pertumbuhan ekonomi

Puas hati 49% | Tak puas hati 45%

42% | 51%

f. Inflasi & kos sara hidup

Puas hati 36% | Tak puas hati 60%

30% | 65%

Pendapat anda tentang hal tuju kepimpinan Anwar?

Lebih baik 62% |

Tak berubah 26% |

Makin teruk 12% |

17%

Adakah anda dapat faedah daripada Belanjawan 2023?

Ya 56% |

Tidak 33% |

Tak tahu 11% |

12%

Apa sepatutnya yang harus menjadi keutamaan kerajaan sekarang?

a. Kurangkan inflasi 22% |

21%

b. Jana pertumbuhan ekonomi 21% |

20%

c. Hapuskan rasuah 18% |

17%

d. Tambah baik kebajikan rakyat 11% |

14%

e. Kekalkan kestabilan politik 9% |

8%

f. Tambah peluang kerja 6% |

6%

g. Kukuhkan hubungan kaum 6% |

14%

h. Pelihara agama 5% |

8%

i. Tambah peluang ilaga 3% |

12%

Adakah anda setuju keputusan kerajaan tidak benarkan lagi pengeluaran khas KWSP?

Setuju 44% |

37%

Tak setuju 44% |

51%

Tak tahu 11% |

14%

Parti mana yang anda undi pada PRU15 lalu?

Barisan Nasional (BN) 17% |

23%

Pakatan Harapan (PH) 30% |

17%

Perikatan Nasional (PN) 17% |

26%

Pos 11% |

17%

Adakah anda setuju keputusan PH dan BN bergabung membentuk Kerajaan-Perpaduan?

Setuju 63% |

46%

Tak setuju 37% |

44%

Tak tahu 10% |

10%

Apa pertimbangan anda untuk mengundi dalam pilihan raya?

a. Parti 20% |

19%

b. Calon 27% |

27%

c. Agama 22% |

30%

d. Kaum 3% |

13%

e. Ekonomi 21% |

17%

f. Korupsi 4% |

13%

g. Nilai liberal 2% |

1%

Jika Pilihan Raya Umum diadakan esok, parti mana yang anda akan pilih?

PH 39% |

20%

BN 18% |

24%

PN 17% |

26%

Tak tahu 15% |

15%

Melibatkan responden semua kaum di Semenanjung

%

Melibatkan responden Melayu sahaja.



L

APRIL 2023

END

## EK ELEH

Majoriti rakyat masih belum puas hati cara kerajaan tangani inflasi dan kos sara hidup

Sebab itu kena tumpu usaha BANTU RAKYAT!

